



LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

Ruj. Kami : LPNPP.100-1/7/1 Jld.2 (8)

Tarikh : 8 Disember 2023

SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN

YB. Dato' Seri /YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

MEKANISMA PENGIRAAN DAN PELEPASAN KUOTA BUMIPUTERA DI BAWAH PENGURUSAN JAWATANKUASA KAWALAN HARTANAH BUMIPUTERA NEGERI PULAU PINANG (JKHBNPP)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

- Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 28 Tahun 2023 bertarikh 19 Oktober telah **meluluskan** Cadangan Pindaan Kepada Pengurusan Jawatankuasa Kawalan Hartanah Bumiputera Negeri Pulau Pinang (JKHBNPP) yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera Negeri Pulau Pinang (JPKBNPP) termasuk Garis Panduan Permohonan Pelepasan Kuota Bumiputera Pemajuan Perumahan dan Komersil Negeri Pulau Pinang.
- Sehubungan itu, pemberian diskaun sebanyak 70 peratus yang sebelum ini diberikan kepada permohonan yang mematuhi syarat-syarat permohonan pelepasan adalah **dibatalkan** mulai 1 Januari 2024. Formula pengiraan semasa berdasarkan Garis Panduan Permohonan Pelepasan Kuota Bumiputera Pemajuan Perumahan dan Komersil Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} N &= 5\% \times \text{harga rumah} \\ \text{Bayaran Sumbangan} &= N \times \text{baki unit Bumiputera belum dijual} \end{aligned}$$

Berdasarkan Garis Panduan Pelepasan Kuota Perumahan dan Komersil Negeri Pulau Pinang, potongan sebanyak 70% diberikan kepada pemaju yang mematuhi syarat-syarat dan prosedur permohonan yang ditetapkan sebelum ini. Sebagai contoh, jumlah bayaran sumbangan terkumpul yang sepatutnya dibayar oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berdasarkan formula pengiraan adalah sebanyak RM1,000,000.00. Namun, diskaun sebanyak 70% diberikan dan pemaju hanya perlu mengemukakan bayaran sumbangan sebanyak RM300,000.00 sahaja."

- Berkuatkuasa 1 Januari 2024, diskaun 70% berikut adalah dibatalkan dan pemaju dikehendaki membayar bayaran penuh seperti pengiraan yang dibentangkan.

5. Sehubungan dengan itu, YB. Dato' Seri /YBhg. Dato'/Tuan/Puan, adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya berhubung pindaan yang diberikan bagi memastikan pelaksanaan JKHBNPP adalah selari dengan hasrat dan dasar Kerajaan dan dikemaskini selari dengan keperluan semasa permintaan perumahan dari golongan bumiputera dan iklim ekonomi.

6. Perhatian dan kerjasama YB. Dato' Seri /YBhg. Dato'/Tuan/Puan,berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,



(FAKHURRAZI BIN IBNU OMAR)
Ketua Pegawai Bisnes
b.p Pengurus Besar
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
☎ : 04-6505242
✉ : fakhurrazi@lpnpp.gov.my

s.k YB. Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu
EXCO Perumahan dan Alam Sekitar
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
Tingkat 53, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

e.d Pengurus Besar
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

SENARAI EDARAN

1. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Paras 17, KOMTAR
10675 PULAU PINANG

2. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seberang Perai.
Menara Bandar Raya,
Jalan Perda Utama,
Bandar Perda,
14000 PULAU PINANG

3. Pengerusi
REHDA Pulau Pinang
Unit 6, 5th Floor, Axis Complex,
35 Cantonment Road,
10350 PULAU PINANG

4. Pengerusi
FIABCI Malaysia Cawangan Pulau Pinang
163E-19-01 & 20-01, Hunza Tower,
Jalan Kelawei,
10250 PULAU PINANG

5. Pengerusi
Sekreteriat Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP)
Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4, Jalan Anson
10400 PULAU PINANG